

**NO. SOALAN:89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
TARIKH : 25 JULAI 2017  
SOALAN : 89**

**YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

Adakah Hospital Ratu Elizabeth 2 (QEH 2) menghadapi masalah kewangan atau tiada peruntukan sehinggakan alat pemanas air di bilik mandi di kebanyakan wad tidak dapat dibaiki. Bilakah alat tersebut boleh dibaiki. Berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada QEH 2.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan aset serta peralatan di Hospital Queen Elizabeth 2 dilaksanakan oleh syarikat konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) iaitu Sedafiat Sdn Bhd. Secara asasnya, bekalan air panas di wad-wad Hospital Queen Elizabeth 2 dibekalkan melalui sistem bekalan air panas berpusat yang dijana oleh sistem dandang stim dengan menggunakan diesel sebagai bahan bakar.

Buat masa ini, sistem tersebut masih berfungsi dan sekiranya terdapat kerosakan, syarikat konsesi PSH akan melaksanakan pembaikan sistem tersebut.

Walaupun bagaimanapun, sebagai langkah penjimatan tenaga, pihak Hospital Queen Elizabeth 2 telah menjadualkan tempoh operasi sistem bekalan air panas berpusat tersebut hanya pada waktu pagi dan waktu petang memandangkan kadar penggunaan air panas adalah tinggi pada waktu tersebut. Susulan daripada langkah penjadualan waktu operasi tersebut, pihak Hospital Queen Elizabeth 2 telah berjaya menjimatkan penggunaan diesel kepada hampir separuh berbanding sebelum langkah tersebut dilaksanakan.